

Headline	TNB serah RM2j untuk liga hoki		
MediaTitle	Berita Harian		
Date	08 Apr 2021	Language	Malay
Circulation	82,252	Readership	246,756
Section	Sukan	Page No	47
ArticleSize	82 cm <sup>2</sup>	Journalist	N/A
PR Value	RM 4,146		



# TNB serah RM2j untuk liga hoki

**Kuala Lumpur:** Tenaga Nasional Berhad (TNB) memberi tajaan sebanyak RM2 juta kepada Konfederasi Hoki Malaysia (KHM) bagi menjamin kelangsungan penganjuran Liga Hoki Malaysia TNB (TNB-MHL) yang berakhir Sabtu lalu.

Tajaan disampaikan Ketua Pegawai Perkhidmatan Korporat TNB, Mohamad Ariff Zainol kepada Presiden KHM, Datuk Seri Subahan Kamal pada majlis di Ibu Pejabat TNB, di sini, Khamis lalu.

TNB menjadi penaja utama liga hoki kebangsaan sejak 2006 yang menjadi gelanggang mempertemuan pemain utama untuk dipilih dan digandingkan

Mohamad Ariff berkata TNB meneruskan komitmen itu sekaliipun dalam keadaan sukar susulan pandemik COVID-19 yang memaksa liga dilangsungkan secara gelembung sukan sepenuhnya bagi mematuhi prosedur operasi standard (SOP), sekali gus meningkatkan kos penganjuran.

“TNB sentiasa menyokong usaha memartabatkan sukan hoki dan ini adalah kesinambungan komitmen kami dalam melahirkan pemain bertaraf dunia,” katanya pada majlis itu.